

LANGKAH MENGURANGKAN KESAN KRISIS AIR DI MALAYSIA

1

Pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan tadahan hujan untuk memastikan sumber air yang selamat dan bersih

Contoh: Kawasan hutan seluas 160 000 hektar di Padang Terap (Kedah) merupakan kawasan tadahan hujan bagi Empangan Pedu

2

Penguatkuasaan undang-undang dengan meningkatkan pemantauan terhadap pengusaha industri serta penggunaan baja kimia dan racun serangga

Contoh: Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air dan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974

3

Rawatan air kumbahan supaya air selamat digunakan selepas bahan pepejal diasingkan, air dirawat dan ditapis

Contoh: Indah Water Consortium membangunkan dan menyelenggara sistem rawatan air kumbahan di Malaysia

4

Meneroka air bawah kerana hanya 3% air bawah tanah yang telah diteroka di Malaysia dan mampu diekstrak sebanyak enam bilion meter padu setahun

Contoh: Penerokaan air bawah tanah telah dijalankan di Kelantan dan Selangor

5

Kempen kesedaran terhadap alam sekitar untuk menyedarkan masyarakat tentang kepentingan penjagaan alam sekitar perlu diberikan sejak peringkat awal, terutamanya melibatkan murid-murid sekolah

Contoh: Sambutan Hari Sungai Sedunia oleh WWF pada 27 September 2015